

MMA gesa akta khusus tangani gangguan seksual diwujudkan

Muhamad Izzat Nasuruden

04 Ogos 2018 1:16 PM

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan mewujudkan akta khusus bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja.



MOHAMED NAMAZIE IBRAHIM

Presidennya, Dr. Mohamed Namazie Ibrahim berkata, langkah itu perlu berikutan semakin banyak kes gangguan seksual di tempat kerja berlaku walaupun Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan kod amalan berhubung perkara tersebut.



"Walaupun kementerian telah memperkenalkan kod amalan mengenai perkara ini, pendapat umum mendapati ia hanya memberi implikasi kecil kerana kita tidak mempunyai undang-undang tegas untuk menghukum pelaku yang melakukan perbuatan ini.

"MMA sebagai suara pengamal perubatan mahu kementerian berkaitan menyiasat isu gangguan seksual secara serius agar tidak mencemarkan nama baik bidang perubatan dan juga bidang-bidang yang lain," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan menafikan dakwaan terdapat cubaan untuk menutup isu gangguan seksual yang berlaku di hospital kerajaan sebaliknya mahu perkara berkenaan ditangani secara baik.

Menterinya, Dr. Dzulkefly Ahmad menegaskan jawatankuasa siasatan bebas yang telah ditubuhkan perlu menyiasat isu tersebut secara terperinci dan berhati-hati tanpa merumitkan keadaan mana-mana pihak. - UTUSAN ONLINE

Tag Berkaitan

Kuala Lumpur

Kerajaan

Hospital dan Klinik

Terkini



Melbourne Property Expo in Kuala Lumpur

Spacious Freehold Southbank apartments from **A\$489K**

Modern 3 & 4 bedroom landed properties from **A\$448K**

[Inspect in KL - Dec 1 & 2](#)

What is your reaction?

Powered by Vuukle



gembira



tak kisah



terhibur




teruja



marah



sedih



0 comments

♥ Recommend 0

Write a comment

3000

Name

or

Email

I agree with Vuukle's [Privacy Policy](#)

POST

 Vuukle

ARTIKEL BERKAITAN



Najib tidak tahu usaha tubuh kerajaan Melayu-Islam



40,000 nelayan telah jalani pemutihan



Usahawan Tekun akan dibangun, bukan dibantu